

Amaran bahaya tak halang Shamsurrijal temui Dr. M

UM 14 AUG 2003

Daripada HAMZAH S IDEK

ALGIERS 13 Ogos — Peringatan daripada Kedutaan Malaysia di sini mengenai bahaya mengembara di Algeria tidak menghalang Shamsurrijal Abdul Jamil bagi memasuki negara inisemata-mata untuk bertemu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam perjalanannya bagi mencipta rekod memandu ke seluruh dunia dengan kereta Proton Satria GTX 1.8.

“Alhamdulillah saya dapat juga bertemu Dr. Mahathir kali pertama se-

malam,” katanya selepas pertemuan di Hotel Sheraton pada hari terakhir lawatan Perdana Menteri semalam.

Walaupun pertemuan itu agak singkat kerana Dr. Mahathir mempunyai jadual lawatan yang sangat ketat, Shamsurrijal sangat gembira dan menyifatkan perbualan pendeknya dengan Perdana Menteri telah memberikan “suntikan semangat kepada saya untuk meneruskan perjalanan dengan semangat Malaysia Boleh.”

Katanya, Dr. Mahathir

banyak bertanya tentang keadaan kereta yang dipandunya. Kereta tersebut diberi nama Jalur Gemilang II sebagai susulan kepada kapal layar Jalur Gemilang yang berjaya mengelilingi dunia dengan dikemudikan secara solo oleh Datuk Azhar Mansor.

Shamsurrijal yang kini telah mengembara ke 28 negara secara solo dalam tempoh kira-kira enam bulan sejak bertolak dari Malaysia pada 15 Februari lalu, berharap akan menjelajah ke 128 negara di seluruh dunia sebelum pulang ke tanah air pada

Hari Kemerdekaan 31 Ogos tahun depan.

Menurut Shamsurrijal, beliau mengetahui tentang lawatan ke Algeria secara kebetulan semasa terkandas selama tiga minggu di Mesir disebabkan kesukaran mendapatkan visa untuk memasuki Libya dari negara itu.

“Jika saya tidak terkandas di Mesir mungkin saya tidak mendapat berita tentang lawatan PM ke Algeria,” katanya.

Bagaimanapun di Libya, beliau telah menerima mesej e-mel daripada Kedutaan Malaysia di Al-

geria yang menasihatkannya supaya membatalkan perjalanannya ke negara itu kerana keadaan tidak selamat untuk pengembara.

Katanya, peringatan diberikan kepadanya ekoran 33 rakyat asing telah duculik pada April lalu tanpa diketahui sebab-sebabnya. Setakat ini hanya empat mayat mereka ditemui dan nasib yang lain masih belum diketahui.

Disebabkan hasratnya untuk bertemu Perdana Menteri amat kuat, Shamsurrijal telah mendapatkan nasihat daripada kedutaan Algeria dan Indonesia di Tunisia yang dilalui selepas Libya, sebelum memasuki Algeria. Mereka menasihatkan beliau supaya berjalan hanya pada waktu siang dan berehat di tempat yang selamat pada waktu malam.

“Alhamdulillah, setakat ini saya masih selamat dan saya yakin akan dapat kembali ke Malaysia pada tarikh yang dijadualkan,” katanya.

Jika Shamsurrijal berjaya menepati jadualnya, beliau sudah pasti akan mencipta rekod baru yang lebih hebat. Rekod sekarang dipegang oleh Jim Roger dan Peige Parker dari Amerika Syarikat yang mengelilingi dunia berdua dalam kereta pacuan empat roda jenis Mercedes dalam tempoh tiga tahun dan meliputi 111 negara.

“Ada orang bertanya, tidak tautah saya mengembara berseorangan. Saya kata saya tidak keseorangan... saya sentiasa bersama Allah,” katanya Shamsurrijal yang sentiasa senyum dan lekas ketawa.

— Utusan